

Kerajaan tidak lindungi syarikat seleweng

BH 15 AUG 2000

“**Buat apa tunggu saya, jumpa polis lebih baik kerana kes ini dalam siasatan.**”

— Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan tidak melindungi kegiatan mana-mana syarikat yang bercanggah dengan undang-undang negara walaupun ada orang kenamaan bergelar Tan Sri, Datuk atau Exco kerajaan negeri mempunyai kepentingan di dalamnya.

Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, berkata kegiatan seperti mengambil deposit secara haram seperti dilaporkan dilakukan oleh syarikat Platinum Lane Sdn Bhd (PLSB) di Kulim, Kedah adalah salah.

“Tak kiralah sama ada Tan Sri ke, kalau Tun sekali pun buat silap, kita kena ambil tindakan. Kita dah kata, kalau nak bagi, ambil deposit, mesti ada kebenaran Bank Negara... mesti ada lesen.

“Kita nasihat rakyat banyak kali dah, bukan senang nak cari keuntungan. Syarikat ini tak ada lesen, tiba-tiba pergi ambil deposit yang memang salah dari segi undang-undang.

“Lepas itu, bagi pula faedah

yang tinggi. Perkara ini sudah lama berlaku... dulu tahun 80-an ada kes membabitkan koperasi pengambilan deposit, ramai yang rugi, bankrap. Akhirnya kerajaan terpaksa menyelamatkan semua,” katanya kepada pemberita selepas majlis penganugerahan perkhidmatan Cemerlang Perbendaharaan di sini, hari ini.

Beliau mengulas pengakuan dibuat Ketua Operasi PLSB, Kamaruddin Mohamad semalam bahawa pelbagai golongan, dari yang berpendapatan rendah, golongan profesional sehinggalah Tan Sri, Datuk dan Exco, menjadi ahli syarikat itu.

Selasa lalu, pegawai Bank Negara Malaysia (BNM) dan polis menyerbu pejabat syarikat

itu di Pusat Perniagaan Putra di Kulim dan merampas sejumlah wang tunai dipercayai lebih RM1.5 juta, dokumen serta peralatan pejabat untuk siasatan lanjut.

Syarikat itu disiasat mengikut Seksyen 25 (1) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (Bafia) kerana disyaki mengambil deposit daripada orang ramai tanpa lesen daripada BNM.

Dalam sesi taklimat ke-14 PLSB untuk memberi penerangan kepada ahlinya semalam, Kamaruddin dilaporkan berkata, sebaik mengetahui pengurusan PLSB merangka memorandum untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri, ramai tampil untuk membantu pengurusan

mengatur pertemuan, sama ada dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atau Daim.

Memorandum setebal dua muka yang mencatatkan tuntutan PLSB untuk membantu kakitangan dan ahlinya itu akan disampaikan oleh peguam dan pengurusan syarikat kepada Perdana Menteri beberapa hari lagi.

Diminta mengulas mengenai hasrat pengurusan PLSB menemuinya, Daim berkata: “Buat apa tunggu saya, jumpa polis lebih baik kerana kes ini dalam siasatan”.

Mengenai tindakan Bank Negara yang hanya dilakukan sekarang, sedangkan syarikat terbabit dikatakan sudah beroperasi sejak 1997, beliau berkata mungkin ketika itu PLSB tidak menjalankan kegiatan pengambilan deposit.

“Barangkali dulu tak ambil deposit, sekarang baru dia ambil. Dulu kawasan saya pun

ada satu, kita ambil tindakan juga. Selalunya dia orang ini guna nama orang-orang berpengaruh yang mereka tidak tahu menahu pun.

“Pak Man Telo dulu pernah berlaku. Ini buat lagi. Kita nasihatkan rakyat jangan terpengaruh dengan cerita-cerita yang karut begini,” katanya.

PLSB juga dikatakan terbabit menggunakan nama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk menarik lebih ramai pelabur menyertai syarikat itu.

Difahamkan, PLSB yang ditubuhkan mengikut Akta Syarikat 1965, diperbadankan pada 18 Jun 1997 dengan modal RM500,000 dan modal berbayar RM250,000. Ia mempunyai kira-kira 30,000 ahli di seluruh negara.

Sabtu lalu, BNM dalam kenyataannya meminta syarikat yang mengambil deposit yang kini disiasat, bertanggungjawab membayar semula deposit kepada ahlinya.